

MELAKA BANTARAYA BERSIH NEGERI BERBUDAYA

Diselenggarakan oleh

Abdul Latiff Abu Bakar



KERAJAAN NEGERI MELAKA

Buku ini memuatkan 10 buah kertaskerja hasil Seminar Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya pada 16 April 1996.

© Para penulis/pembentang
dan Kerajaan Negeri Melaka 1996

Cetak Pertama 1996

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Penerbit dan/atau Penyelenggara.

Pengatur huruf : SHAPURI SDN. BHD.

Muka taip teks : OPTIMA

Saiz taip teks : 11/13 poin

Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya
diselenggarakan oleh Prof. Madya Datuk Abdul Latiff Abu Bakar
ISBN 983-99174-0-4

Dicetak oleh Percetakan Cergas, 26/1, Jalan Indrahana 1,
off Jalan Kuchai Lama, 58100 Kuala Lumpur

KANDUNGAN

Sekapur Sirih	vii
Seulas Pinang	ix
Sekalung Budi	xiii
Pengenalan	xiv
 Pengalaman Melaka Sebagai Pusat Kebudayaan Serantau Abad ke-15	
<i>Prof. Datuk Dr. Muhamad Yusoff Hashim</i>	1
Beriman dan Bertaqwa	
<i>Prof. Madya Zawawi Ahmad</i>	25
Berilmu dan Beramal	
<i>Prof. Madya Dr. Siddiq Fadzil</i>	34
Berakhlak dan Berbudi	
<i>Zainal Abidin Datuk Borhan</i>	44
Beradat dan Bersopan	
<i>Prof. Madya Datuk Abdul Latiff Abu Bakar</i>	55
Bersatu dan Bersetia	
<i>Prof. Madya Datuk Abdul Latiff Abu Bakar</i>	71
Jujur dan Amanah	
<i>Ustaz Haji Abdul Ghani Samsudin</i>	82
Mesra dan Bahagia	
<i>Dato' Nik Abd. Rashid Nik Ab. Majid</i>	110
Sihat dan Segar	
<i>Prof. Madya Dr. Kamaruddin Mohd Yusoff</i>	127
Bersih dan Indah	
<i>Haris Hassan</i>	149
Maju dan Makmur	
<i>Prof. Datuk Dr. Zainal Kling</i>	166
 Latar Belakang Penulis	180

SEKAPUR SIRIH

RUPA dan bentuk sesebuah masyarakat itu sebenarnya adalah hasil atau produk budayanya, terutama sekali aspek sistem nilai budayanya. Budaya sebenarnya adalah ketamadunan. Budaya bukan sekadar seni dan sastera tetapi merangkumi keseluruhan cara hidup dan intelek manusia.

Kerana itu, dalam keghairahan kita mengejar kemajuan dan pembangunan, kerajaan tidak pernah mengabaikan aspek pembangunan sosio-budaya. Malah dalam pelaksanaan program-program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan tidak sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi dan material tetapi turut memberi penekanan yang khusus ke atas pembangunan sosio-budaya.

Maka dalam konteks inilah saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka khususnya kepada YAB Datuk Seri Hj. Mohd. Zin bin Hj. Ab Ghani kerana menjadikan bumi Hang Tuah ini negeri pertama menyambut seruan kerajaan pusat untuk mewujudkan program perdana dan perancangan pembangunan yang seimbang di antara ekonomi dengan sosio-budaya dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh dengan menjadikan Melaka Bandaraya Bersejarah, Negeri Berbudaya.

Sebagai sebuah negeri yang mempunyai sejarah gemilang di dalam bidang ekonomi, politik dan budaya sejak dari abad Ke-15, amatlah wajar gerakan membudayakan cara hidup rakyat dengan nilai-nilai murni bermula dari negeri Melaka.

Saya amat yakin dengan keprihatinan, ketrampilan, iltizam serta wawasan YAB Datuk Seri Mohd. Zin sebagai seorang pemimpin yang penuh pengalaman, tenang lagi

berwibawa, Melaka akan dapat mengimbangkan pembangunan ekonominya dengan pembangunan sosio-budaya menerusi 10 teras budaya yang diterapkan menerusi gagasan Melaka Negeri Berbudaya.

Saya berharap gerakan yang sedang dijalankan oleh Melaka ini seperti yang dilakarkan di dalam buku ini akan menjadi contoh dan iktibar kepada seluruh rakyat Malaysia. Dalam usaha membina suatu masyarakat Malaysia yang bermaruah dan dihormati dan dapat diuji ketahanannya, kita mesti bersedia untuk menimba yang baik dan mengenepikan pula nilai-nilai yang akan merugikan masyarakat.

Sekali lagi saya rakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Negeri Melaka dan pemimpinnya.

Dato' Seri Anwar Ibrahim
Timbalan Perdana Menteri
Malaysia

SEULAS PINANG

APABILA kita bercakap tentang budaya, lumrahnya orang akan bercakap tentang adat dan seni budaya, tentang seni tari Melayu, tentang muzik Melayu, tentang dondang sayang, tentang pantun atau setidak-tidaknya adat resam orang Melayu. Inilah istilah lumrah tentang perkataan budaya. Tetapi apabila kita meneliti kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan budaya itu membawa maksud cara hidup. Malah perkataan budaya itu membawa maksud peradaban dan kemajuan akal dan budi manusia. Perkataan budaya itu menggambarkan perkembangan kecerdasan manusia dari segi fizikal, daya fikir, semangat dan lain-lain lagi. Apabila kita mengatakan seseorang itu mempunyai budaya yang tinggi, kita mengakui perkembangan dan kemajuan inteletiknya.

Kerana itu Kerajaan Negeri Melaka serius dalam usaha menjadikan negeri ini sebuah negeri yang berbudaya dalam erti kata yang sebenarnya. Membina pasu-pasu besar dan diletakkan di merata bandar seperti yang dilakukan oleh sebuah kerajaan negeri di pantai timur tidak menjadikan negeri itu berbudaya. Melaka ingin melakukan lebih serius dari itu. Kita akan berusaha menyumbangkan suatu peradaban yang akan melengkapi generasi wawasan 2020 negara.

Ke arah ini, Melaka telah menggariskan 10 perkara yang akan menjadi teras kepada pembentukan negeri berbudaya ini. Sepuluh teras itu ialah:

1. Beriman dan Bertaqwa
2. Berilmu dan Beramal

3. Berakhlak dan Berbudi
4. Beradat dan Bersopan
5. Bersatu dan Bersetia
6. Jujur dan Amanah
7. Mesra dan Bahagia
8. Sihat dan Segar
9. Bersih dan Indah
10. Maju dan Makmur

Saya difahamkan 10 kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar ini, setiap satu akan mengupas fungsi dan matlamat 10 perkara yang saya nyatakan sebentar tadi. Kualiti kertas-kertas kerja ini tidak boleh dinafikan kerana ia disediakan oleh tokoh-tokoh yang sememangnya pakar dan arif dalam bidang masing-masing. Sememangnya kita di Melaka, apabila ingin belayar, kita bernakhoda; apabila berjalan, dengan yang tua; apabila bercakap, dengan yang pandai kerana suatu pekerjaan yang baik pasti akan berjaya dengan pimpinan orang-orang yang pandai lagi berpengalaman.

Kesediaan tokoh-tokoh ini untuk tampil memberi sumbangan menjayakan wawasan negeri Melaka ini amatlah saya hargai dan sanjungi. Saya yakin usaha saudara-saudara sekalian umpama air dalam karang menonggok, setinggi campur kemenyan, gula tertumpah pada kanji.

Jika di peringkat nasional, pucuk pimpinan negara mahu menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020, kita di Melaka pula ingin mencapai status negara maju 10 tahun lebih awal. Ini tidaklah begitu sukar untuk dicapai kerana sekarang inipun kadar pertumbuhan ekonomi negeri sememangnya mengatasi kadar pertumbuhan nasional. Bagaimanapun, apa yang lebih penting ialah untuk memastikan pembangunan ekonomi itu dapat diimbangkan dengan pembangunan sosio-budaya.

Inilah juga telah ditekankan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri kita yang dikasihi, Dato' Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini yang mahu melihat pembangunan sosial turut diberi keutamaan dalam agenda pembangunan negara dan dalam

masa terdekat, sewaktu kita melaksanakan program-program di bawah Rancangan Malaysia Ke-7. Dalam hubungan ini, negeri Melaka ingin tampil ke depan menyambut saranan YAB Timbalan Perdana Menteri itu. Andainya negeri Melaka ini sebuah kolam, kita inginkan air yang jernih, kerana di air yang jernih, ikannya jinak. Kita tidak mahu air di kolam itu keruh, kerana apabila air keruh, banyak limbat akan keluar. (Maksudnya, kita mahu negeri kita makmur dan sejahtera sementara rakyatnya berbudaya dan berbudi bahasa. Kita tidak hendak negeri yang huru hara kerana dalam keadaan begitu, orang jahat akan berleluasa.)

Sebenarnya, 10 teras yang ingin dijadikan slogan atau panduan ke arah membangunkan Negeri Melaka sebagai sebuah negeri yang maju dan cemerlang adalah cambahan dari perlembagaan Malaysia, Rukun Negara, Dasar Bahasa, Pendidikan dan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia sendiri. Malah kesemua ciri-ciri yang cuba dikembangkan melalui 10 teras tadi sememangnya perkara yang tidak asing kepada kita semua. Iman, taqwa, bersih dan segar, bahagia, mesra dan seterusnya adalah perkara-perkara yang kita hadapi setiap hari. Tetapi kerana ianya tidak ditampilkan secara formal, ciri-ciri ini tidak diberi perhatian sebagaimana wajarnya. Sebagai contoh, walaupun keseluruhan Negeri Melaka telahpun diiktiraf sebagai negeri yang terbersih dan terindah di seluruh Malaysia, masih ada rakyatnya yang suka membuang sampah merata-rata kerana kebersihan dan keindahan itu belum menjadi budaya hidup masyarakat umumnya.

Kita juga melihat betapa ada di kalangan kita yang berilmu dan berpendidikan tetapi tanpa iman, secara proaktif selepas ini. Sekretariat induk 10 teras budaya yang dipengerusikan oleh YB Datuk Sahar Arpan ini akan menyelaraskan program ini dan dalam konteks ini, sokongan serta kerjasama semua jabatan, badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta amatlah diharapkan kerana saya bercadang untuk melancarkan program Melaka Bandaraya Bersejarah, Negeri Berbudaya ini pada 9 September 1996. Saya juga

bercadang untuk menjemput YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan program tersebut sesuai dengan keprihatinan beliau terhadap pembangunan sosial dalam agenda pembangunan negara. Beliau juga akan melancarkan buku 10 teras budaya Melaka itu nanti.

Akhirnya, kepada semua pihak yang telah menjayakan seminar ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan di atas segala sumbangan saudara-saudara sekalian. Penghargaan istimewa saya rakamkan kepada GAPENA khususnya kepada YBhg Tan Sri Prof. Ismail Hussein dan YBhg Datuk Prof. Abdul Latiff Bakar yang begitu gigih berusaha merealisasikan wawasan negeri ini. Hanya Allah s.w.t. sahaja yang dapat membalasnya.

Dengan harapan semoga usaha kita untuk menjadikan Melaka sebuah bandaraya bersejarah, Negeri Berbudaya mendapat berkat dan hidayah dari Allah s.w.t.

SEKALUNG BUDI

TAHNIAH dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka di bawah pimpinan Y.A.B. Datuk Seri Haji Mohd Zin Abd. Ghani yang mengambil berat menganjurkan Seminar Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya pada 16 – 17 April 1996 sehingga kertas-kertas kerja seminar tersebut berjaya di jadikan buku. Adalah menjadi satu penghormatan apabila Y.A.B. Datuk Seri Utama Anwar Ibrahim sudi melancarkan buku tersebut sempena pengistiharan Melaka Negeri Berbudaya pada 9 September 1996, di Dewan Hang Jebat, Air Keroh, Melaka.

Setinggi penghargaan dan terima kasih pula kepada Y.B. Datuk Sahar Arpan, Pengerusi Sekretariat Melaka Negeri Berbudaya dan Y.B. Datuk Wira Abd. Rahman Jamal yang memberi dorongan dan sokongan menerbitkan buku ini. Begitu juga kepada pembentang kertas kerja dan karyawan penerbitan yang terdiri daripada Sdr Haji Khairuddin Hassan, Sdr Haji Saleh Daud, Sdr Fauziah Ab. Hamid, Sdr Ramli Maujut, Sdr Ab. Aziz Mohd Ali, Sdr Mutalib Rani dan orang perseorangan yang turut membantu penerbitan buku ini. Semoga buku yang berbentuk ilmu ini memberi faedah dan akan berbudi kepada setiap rakyat negeri Melaka.

PENGENALAN

RANCANGAN Malaysia Ketujuh (RM7) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 6 Mei 1996 menegaskan bahawa semua rakyat Malaysia perlu mempergiat usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif berdaya saing, dan berdaya tahan selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.

Ini sesuai dengan teras RM7 yang ingin mempertingkatkan potensi pertumbuhan pengeluaran, mencapai transformasi ekonomi serta pembangunan seimbang. Dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi, kerajaan ingin memastikan pertimbangan terhadap perimbangan alam sekitar dan sosial selaras dengan sebagaimana yang termaktub dalam Dasar Pembangunan Negara (DPN). Manakala pembangunan pesat negara pula tidak akan melemahkan etika dan moral masyarakat terutama di kalangan generasi muda.

Begitu juga dengan matlamat utama Wawasan 2020 iaitu ingin menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Pembangunan Malaysia mestilah seimbang antara ekonomi dengan yang lain.

Selaras dengan usaha kerajaan Malaysia yang ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan cemerlang (dalam merelisasikan Wawasan 2020 yang dicetuskan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad), maka

kerajaan negeri Melaka di bawah pimpinan YAB Datuk Seri Mohd. Zin Abdul Ghani, telah menyambut seruan Perdana Menteri Malaysia bagi memajukan negeri Melaka dengan berusaha mengimbangkan pembangunan ekonomi dengan pembangunan sosio-budaya.

Berpandukan Perlembagaan Malaysia yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Malaysia, Rukun Negara, dan dasar bahasa, pendidikan, dan kebudayaan kebangsaan Malaysia, kerajaan negeri Melaka memperkenalkan 10 teras budaya sebagai slogan dan panduan ke arah membangunkan negeri Melaka menjadi sebuah negeri yang maju dan cemerlang. Sehubungan ini, unsur-unsur penting dalam warisan kebudayaan Melayu dan ajaran agama Islam dijadikan panduan utama. Manakala warisan lain yang difikirkan sesuai turut dijadikan panduan.

Sehubungan ini, YAB Datuk Seri Mohd. Zin Ab. Ghani, Ketua Menteri Melaka, telah menegaskan di dalam beberapa ucapannya seperti Majlis Perasmian Hari Sastera Kebangsaan pada 27 Mei 1995, dan Muzium Sastera pada 28 Mei 1995 dan semasa menyambut tahun baru 1996. Dalam Majlis Pelancaran Pidato Munshi Abdullah anjuran Lembaga Bahasa Melayu Melaka pula pada 9 Disember 1995, YAB Ketua Menteri menegaskan bahawa:

“ . . . dalam kegahairahan membangunkan negeri, kerajaan tidak pernah mengabaikan aspek adat atau budaya kerana saya akur bahawa sifat dan bentuk sesebuah masyarakat itu adalah hasil dari budayanya terutama sekali aspek sistem nilai budaya itu. Dan jika diteliti dengan lebih mendalam lagi, kita akan dapati bahawa sistem nilai sesebuah masyarakat itu dipengaruhi oleh alam persekitarannya. Kerana itu, kerajaan negeri di bawah pimpinan saya akan sentiasa memastikan bahawa aspek sosio-budaya tidak akan terpinggir oleh arus kemajuan yang melanda, lebih-lebih lagi Melaka yang sememangnya kaya dengan warisan dan budayanya. Kita bukan sahaja berusaha mempertahankan kekayaan warisan

budaya kita tetapi juga memastikan wujudnya persekitaran yang akan terus menyuburkan perkembangan dan kehidupan budaya itu sendiri.

Tugas saya dipermudahkan lagi oleh kesediaan tokoh-tokoh serta aktivis-aktivis budaya negara, lebih-lebih lagi tokoh-tokoh seperti Tan Sri Prof. Ismail Hussein dan sahabat-sahabat di dalam GAPENA dan kerabatnya untuk memberi sokongan serta kerjasama yang amat diperlukan dalam usaha ini. Program pada malam ini merupakan bukti nyata hubungan kerja yang baik di antara GAPENA /LBM dan Kerajaan Negeri Melaka. Tidak syak lagi, hubungan ini akan terus bertambah akrab pada masa akan datang.

Hasrat saya untuk menjadikan Melaka sebuah bandayara bersejarah dan berbudaya bukanlah suatu yang baru. Ke arah ini, program-program berhubung kebudayaan, baik bertaraf kebangsaan mahupun antarabangsa, akan dilaksanakan dengan lebih pesat lagi pada tahun depan. Malah industri pelancongan negeri akan dipastikan supaya terus berlatarbelakangkan budaya negeri di mana yang sesuai selain dari diperkenalkan produk-produk pelancongan yang baru. Melaka akan terus menonjolkan warisan kegemilangan empayar Melayu Melaka pada abad ke-15."

Kerajaan negeri Melaka berhasrat menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri yang maju dan cemerlang manakala pembangunannya pula seimbang antara pembangunan ekonomi dengan pembangunan sosio budaya. Dalam konteks ini, pembangunan kerohanian pula menjadi teras dalam menjamin pembangunan sosiobudaya. Manakala pemimpin politik (pembuat dasar) dan pegawai kerajaan (pelaksana dasar) adalah insan yang penting bagi menjamin pembangunan ini, di samping rakyat pula sebagai penyokong yang setia dan komited.

Ini selaras dengan Wawasan 2020 Kerajaan Persekutuan yang ingin menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan cemerlang serta seimbang. Bagi merealisasikan gagasan ini, kerajaan Negeri Melaka telah melaksanakan pelbagai

program ke arah menjadikan Melaka sebagai negeri yang maju menjelang tahun 2010.

Peranan Negeri Melaka dalam pembangunan industri pelancongan telah berjalan dengan lancar dan sehingga sekarang slogan Melaka Bandaraya Bersejarah telah mendapat perhatian dan sokongan. Dilihat dari sejarah dan warisan tamadun di rantau Alam Melayu (khususnya di Asia Tenggara), Melaka terkenal sebagai empayar kerajaan Melayu yang kukuh dan menjadi pusat kebudayaan yang cemerlang pada abad ke-15. Sehubungan ini, Melaka adalah sebuah negeri tua yang bersejarah dan amat sesuai disebut "Melaka Bandaraya Bersejarah" manakala peranannya sebagai pusat kebudayaan dan mempunyai warisan tamadun di rantau ini, sesuai pula disebut "Negeri Berbudaya". Kombinasi slogan Melaka Bandaraya Bersejarah dan Negeri Berbudaya mempunyai kaitan dengan peranan Melaka dalam warisan tamadun dunia dan dasarnya untuk memajukan industri pelancongan mulai tahun 1996.

Bagi merealisasikan slogan Melaka Negeri Berbudaya, kerajaan negeri perlu melihat bukan sahaja budaya kebendaan (yang dapat dilihat sahaja) tetapi turut memberi perhatian utama kepada kerohanian. Gabungan budaya kebendaan dan kerohanian amat penting bagi menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang kaya dengan warisan budaya bangsa dan warisan ini menjadi teras kepada prinsip dan dasar utama kebudayaan kebangsaan Malaysia.

Budaya membawa pengertian peradaban atau kemajuan jasmani dan rohani manusia serta juga kemajuan fikiranannya menerusi latihan, amalan, dan pengalaman. Oleh itu seseorang yang berbudaya pula bermakna mempunyai budaya, mempunyai fikiran, dan akal budi yang sudah maju. Dalam konteks ini, kebudayaan pula membawa pengertian kemajuan hasil pemikiran dan penciptaan manusia dalam pelbagai bidang atau usaha atau daya mencipta atau berfikir dalam pelbagai bidang kehidupan manusia.

Bagi menjayakan slogan Melaka Negeri Berbudaya,

ditetapkan 10 Teras Budaya, iaitu Beriman dan Bertakwa, Berilmu dan Beramal, Amanah dan Jujur, Berakhlak dan Berbudi, Mesra dan Bahagia, Sihat dan Segar, Bersih dan Indah, Maju dan Makmur, Beradat dan Bersopan, dan Bersatu dan Bersetia. Hal ini telah dibincangkan dalam satu seminar selama dua hari sempena menyambut ulang tahun Melaka Bandaraya Bersejarah yang dihadiri oleh Ahli Majlis Kerja dan Wakil Rakyat, Ketua-Ketua Jabatan, Penghulu, dan pemimpin atau tokoh yang berpengalaman. Seminar Melaka Bandaraya Bersejarah dan Negeri Berbudaya pada 16-17 April 1996 telah membincangkan bagaimana hendak menyerapkan 10 Teras Budaya yang mengandungi nilai-nilai teras dan mutlak dalam pembangunan sosial dan ekonomi Negeri Melaka. Pembangunan negeri Melaka hendaklah menjurus kepada pembangunan etika yang sesuai dengan maksud masyarakat dan kemanusiaan.

Kerajaan negeri Melaka telah mengorak langkah menjadikan pembangunan yang seimbang di Melaka dengan melancarkan Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya sebagai satu gagasan dan persiapan menghadapi RM7. Ini sesuai sekali dengan tema hari kebangsaan 1996 yang bermoto Budaya Penentu Kecapaian.

Matlamat jangka panjang kerajaan adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuan yang unik dan bersesuaian dengan nilai-nilai kita, melahirkan masyarakat yang berdisiplin, mempunyai nilai moral yang tinggi, dan etika kerja yang baik. Selain pendidikan, kerajaan akan terus memberi penekanan kepada kesihatan bagi meningkatkan kualiti hidup. Untuk tujuan ini, kerajaan telah melancarkan Program 'Gaya Hidup Sihat' untuk menggalakkan amalan gaya hidup yang sihat di kalangan penduduk. Keadilan sosial dalam semua aspek turut memberi perhatian kepada pembangunan rumah murah, perkhidmatan sosial, program pembangunan belia seperti Rakan Muda, dan sebagainya. Di samping kemewahan atau kekayaan yang dinikmati, setiap rakyat perlu dipupuk dengan nilai yang baik dengan memberi penekanan

kepada perilaku moral dan etika berasaskan agama, adat-resam, norma, dan tradisi. Amalan etika dan nilai yang positif perlulah berdasarkan ciri-ciri seperti disiplin, jujur, rajin cekal, berjimat cermat, dan saling menghormati terutama kepada orang yang lebih tua.

Usaha pembangunan masyarakat penyayang sewajarnya menjadi komponen bersepadu dalam sistem nilai kebangsaan. Langkah-langkah tegas perlu diambil bagi menggalakkan amalan etika yang baik serta sikap bertanggungjawab, manakala sifat-sifat seperti persahabatan, kejiranan, dan kemesraan akan terus dijadikan ciri masyarakat Malaysia. Matlamatnya ialah pembentukan satu identiti dan satu hasrat di kalangan rakyat Malaysia bagi mewujudkan bangsa Malaysia.

Dalam usaha Malaysia menuju dan menjadi sebuah negara perindustrian yang maju dan berdaya saing, Perkhidmatan Awam Malaysia pula telah memainkan peranan menggubal satu rangka nilai dan etika kerja berdasarkan kefahaman tentang peranan pentadbiran awam. Melalui peranan utamanya sebagai subsistem, pemberi khidmat, pembentuk masyarakat, dan pendukung undang-undang dan peraturan, Perkhidmatan Awam telah mengadakan usaha membentuk budaya kerja yang positif dan cemerlang serta menepati peraturan dan disiplin.

Malaysia boleh mencapai daya saing dalam arena antarabangsa jika ia mempunyai perpaduan yang kukuh dan kesatuan tekad untuk bergerak ke satu arah strategik yang tertentu. Sehubungan itu, kesatuan tekad itu hendaklah berasaskan nilai dan etika yang akan dapat diterima oleh semua pihak. Ia hendaklah berasaskan kebenaran, kebolehan, kepercayaan, dan akhlak. Atas asas ini jugalah terbentuk perhubungan yang adil, saksama, dan disenangi oleh semua pihak.

Islam sebagai 'ad-deen' (satu cara hidup yang lengkap) yang mempunyai asas falsafah yang tersendiri dijadikan panduan merangkumi segala aspek penghidupan individu,

masyarakat, dan negara. Mengikut falsafah tauhid, Islam melihat bahawa faktor-faktor yang terdapat dalam diri manusia hendaklah berada dalam kesatuan. Oleh itu, kesempurnaan keperibadian setiap insan tercapai jika semua faktor dalam diri manusia diberikan penumpuan sepenuhnya. Oleh itu, keperluan kebendaan dan kerohanian manusia hendaklah dipenuhi dalam bentuk yang bersepadu. Pendekatan ini meletakkan tempat yang utama bagi kesepaduan nilai akhlak mulia dengan semua keperluan dan tindak-tanduk manusia.

Melalui falsafah tauhid, Islam memberikan satu gagasan yang berbentuk multidimensi, dinamik, dan relevan supaya individu dapat menyusun dan menjalankan tugasnya untuk mencapai kemajuan diri, keluarga, dan masyarakat secara efektif, bermakna, dan harmoni.

Proses pembudayaan nilai-nilai unggul dalam Perkhidmatan Awam telah bermula sejak tahun 1960-an. Selanjutnya dalam tahun 1990-an, pembudayaan nilai menjadi lebih serius dan beberapa program telah dilaksanakan meliputi Latihan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK), Pengukuran Prestasi, dan sebagainya. Pemupukan Budaya Kerja Cemerlang dalam Perkhidmatan Awam adalah berhasrat ke arah mewujudkan nilai yang difikir sesuai untuk dijadikan asas pembudayaan.

Selaras dengan DPN, RM7 memberi keutamaan kepada usaha untuk meningkatkan lagi kualiti hidup di samping mencapai pembangunan seimbang antara negeri dengan wilayah dan membetulkan ketidakseimbangan ekonomi serta mewujudkan masyarakat yang lebih adil, bersatu padu, aman, dan makmur. Pembangunan sumber manusia, dengan itu, akan terus menjadi teras utama RM7. Kerajaan telah memperuntukkan kepada pendidikan dan latihan.

Sehubungan ini kerajaan negeri Melaka akan merealisasikan gagasan Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya di semua peringkat. Semoga rakyat dapat menghayati dan melaksanakannya dengan lebih berkesan sehingga Melaka menjadi model negara yang seimbang

pembangunannya yang menjurus kepada kemajuan, kemakmuran, kecemerlangan, keadilan, perpaduan, kebahagiaan, dan kemesraan. Manakala program-program dan dasar-dasar kerajaan Persekutuan, Perkhidmatan Awam Malaysia, dan lain-lain dijadikan panduan utama dalam merealisasikan gagasan murni Melaka Negeri Berbudaya.

Penyelenggara

JUJUR DAN AMANAH

Abdul Ghani Samsudin

Sesungguhnya kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunang, maka semuanya enggan untuk memikul amanah itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya. Amanat tersebut dipikullah oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh".

(Al-Quran: Surah Al-Ahzab: Ayat 72)

Rasulullah bersabda:

Mana-mana hamba Allah yang Allah amanahkan memimpin rakyat kemudian ia mati dalam keadaan mengkhianati mereka nescaya Allah haramkan dia masuk syurga.

(Hadis Muttafaqun 'alaihi)

Rasulullah bersabda:

Rasuah dalam pemerintahan (politik) sesuatu (bentuk) kekufuran.

Pendahuluan

Keghairahan individu dan masyarakat kini kepada tarikan kekayaan, keseronokan dan kebendaan semakin terserlah. Budaya hedonisme, liberalisme, meterialisme dan

korporatisme kian memudarkan, bahkan kadang kala membenamkan tarikan kerohanian, idealisme dan keluhuran. Golongan remaja, muda-mudi dibuai oleh budaya asing yang meleakakan daripada melaksanakan obligasi moral dan agama. Golongan dewasa, para pemaju, politikus dan korporat ikut serta terjebak dalam kancuh ini; hal mana menyebabkan kaadaan semakin gawat dan kronis.

Didorong oleh keinsafan terhadap kemelut sosial yang kian menular inilah agaknya maka kita dapati ada kalangan-kalangan tertentu yang prihatin mula memperkatakan tentang keperluan masyarakat digerakkan oleh agenda sosial yang menyeluruh dan berkesan. Agenda-agenda sosial sedemikian dipercayai dapat memantapkan semula nilai-nilai budaya positif yang semakin terhakis oleh gaya hidup yang sumbang dan kebaratan. Nilai-nilai budaya dan tradisional tersebut perlu diaktifkan semula penghayatannyadi kalangan rakyat. Dengan demikian generasi muslim Melayu – insya-Allah – akan selamat di dunia dan di akhirat.

Ciri nilai budaya Islam secara umumnya merangkumi ciri Rabaniah, Akhlaqiah, Insaniah, 'Alamiah, ciri pelbagai Wasatiah, Takamul dan Toleransi. Ciri Rabbaniah memaparkan bagaimana aspek budaya Islam begitu berbaur dan bersepadu dengan nilai-nilai ketuhanan, baik aspek bahasa, ilmu mahupun ekonomi dan lain-lain. Ciri Akhlaqiah menandakan kehadiran etika dan akhlak dalam budaya berkenaan. Islam tidak memperakukan *the end justify the mean*. Budaya Islam menolak faham sekularisme yang menyingkirkan agama dari kegiatan sosio-politik umat. Ciri al-Insaniah atau kemanusiaan merangkum penghormatan yang tinggi kepada hak asasi manusia. Ciri 'Alamiah mempertegaskan hakikat *universality* Islam yang merangkum seluruh bangsa manusia, dan bersifat terbuka ianya menandakan hakikat Islam sebagai asas penyelesaian masalah manusia sejagat.

Toleransi membayangkan *practicality* dan kecenderungan memudahkan orang ramai mengamalkan budaya Islam. Ciri pelbagai atau Tanauwu menunjukkan bahawa Islam

bukan sekadar betah dengan budaya Darwish atau agama dalam ertikata sempit, tetapi ia adalah kebudayaan yang serba terbuka dan pelbagai sifatnya. Ciri wasatiah atau tawazun adalah memaparkan sifat Islam yang sederhana dan seimbang. Manakala ciri Takamul menandakan sifat saling bantu-membantu saling sempurna-menyempurnakan antara dimensi budaya yang wujud. Bahkan Rasul itu sendiri adalah sebagai pelengkap kehadiran para Nabi dan Rasul di dunia ini dengan membawa amanat terakhir yang global sifatnya.

Sebenarnya nilai yang terangkum dalam Islam memang berbagai jenis dan kategori. Hadis Rasulullah menjelaskan nilai atau cabang iman lebih daripada tujuh puluh jenis. Antaranya tersirat nilai amanah dan iltizam. Nilai ini adalah antara nilai agama dan sosial yang sangat mustahak. Ia boleh menentukan jatuh bangunnya sesuatu bangsa dan negara. Nilai-nilai tersebut mempunyai sandaran yang kukuh daripada al-Quran dan Sunnah. Aplikasinya berbagai peringkat, manakala pengaruhnya terhadap kehidupan masyarakat juga berbagai dan menyeluruh.

Untuk memudahkan perbincangan ada baiknya kita huraikan pengertiannya terlebih dahulu.

Pengertian Amanah

Amanah membawa maksud tanggungjawab yang mesti ditunaikan; seperti dalam firman Allah:

Maksudnya:

Sesungguhnya kami telah menawarkan amanah ini untuk ditanggung oleh petala langit, bumi dan gunung-ganang namun mereka enggan menerimanya, dan mereka merasa kurang sanggup memikulnya, lalu ia disanggupi oleh manusia. Sesungguhnya manusia bersifat zalim dan serba tidak tahu.

(Surah Al-Ahzab: Ayat: 72)

Amanah adalah cebisan dari fitrah. Ia salah satu cabang iman serta kecintaan kepada kebenaran. Dari sudut kejiwaan, ia merupakan watak atau sifat yang mantap dalam diri seseorang yang menghalangnya dari mengambil atau menceroboh apa yang bukan haknya. Meskipun ia boleh melakukannya tanpa diketahui atau dipersalahkan oleh orang, namun ia tetap luhur dan tidak mengkhianati kepercayaan orang tersebut. Amanah bukan berlegar sekitar harta dan wang ringgit sahaja, akan tetapi merambah kepelbagai bidang hak yang tidak semestinya bersifat benda.

Perbuatan tidak menceroboh hak orang lain dikira sebagai amanah. Tidak menciplak hak-hak ilmiah orang lain adalah amanah. Tidak menipu, tidak mencuri sukatan atau timbangan juga adalah amanah. Tidak mengkhianati harta awam (Ghulul) adalah amanah. Menyampaikan risalah atau mesej bertulis atau dalam bentuk ucapan sebagaimana adanya adalah amanah. Memberi nasihat kepada orang Islam lain sebagai melaksanakan kewajiban persaudaraan adalah amanah. Bahkan melaksanakan hak Tuhan terhadap hamba-Nya seperti solat dan kewajiban agama yang lain adalah amanah. Justeru manusia sebagai hamba Allah yang mukalaf; yang telah diamanahkan dengan pelbagai nikmat dan keupayaan wajib menunaikan arahan Allah; setakat yang berkaitan dengan harta, anggota deria yang telah dipinjamkan oleh Allah kepadanya. Sebab itu, sesiapa yang melanggar amanah Allah dengan sewenang-wenang, mensia-siakan nikmat pinjaman Allah bererti ia telah mengkhianati amanah dan menderhaka kepada Allah.

Termasuk dalam amanah juga memberi hak kepada orang yang berhak. Berlaku adil juga amanah. Zalim dan aniaya adalah khianat. Amanah sebagai kata nama ada kaitannya dengan kata nama aman, dalam bahasa Arab. Aman lawan dari takut atau ketakutan. Biasanya apabila sebab untuk takut tidak ada, maka jiwa manusia akan menjadi aman dan tenang. Demikianlah halnya seorang yang amanah (atau amin dalam bahasa Arab) senantiasa dipercayai akan kelurusannya. Ia tidak

menceroboh hak orang lain. Oleh kerana itu, ia sentiasa dianggap luhur dan membibitkan keamanan dan ketenteraman. Ia manusia yang boleh dipercayai sebab ia amanah.

Amanah atau tanggungjawab dalam kehidupan wujud disebabkan oleh berbagai hubungan, situasi dan kontrak yang seseorang itu terlibat dengannya, sama ada sebagai pemimpin yang memikul amanah; hasil dari kontrak sosial atau Bai'ah orang ramai mahupun sebagai makhluk yang terikat dengan khalik dalam satu perjanjian azali seperti dalam firman Allah:

Maksudnya:

Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berirman) Bukankah Aku ini Tuhanmu? Mereka menjawab: Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi.

(Surah Al-A'raaf: Ayat 172)

Dalam peringkat yang lain umpamanya kita dapati suami bertanggungjawab terhadap isteri hasil dari akad pernikahan atau ijab kabul yang telah dimatrai. Para pegawai atau pekerja bertanggungjawab kepada majikan masing-masing kerana persetujuan atau kontrak kerja yang telah ditandatangani. Demikianlah seterusnya.

Amanah yang maha besar yang dipikul oleh manusia Muslim ialah kewajiban menghayati Islam dan menyebarkannya, kewajiban merealisasikan pernyataan syahadah: Ini adalah amanah yang akan dipersoalkan oleh Munkar dan Nakir dalam kubur ketika menyambut kehadiran jenazah seseorang.

Ciri-ciri amanah dalam hubungan perkhidmatan awam boleh dilihat, antaranya, melalui tindakan-tindakan seperti yang berikut:

- Menggunakan masa dengan sebaik-baiknya;
- Membelanjakan harta awam mengikut peraturan yang ditentukan dan jauh sekali daripada melakukan rasuah dan pembaziran; dan
- Menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sebaliknya ciri-ciri tidak amanah dapat dilihat dalam perkara seperti berikut:

- Cuai dalam menjalankan tugas;
- Menyalahgunakan kuasa dan kedudukan; dan
- Melakukan tugas-tugas peribadi dengan berselindung di sebalik tugas-tugas rasmi.

Unsur Amanah

Dari huraian di atas, jelaslah bahawa amanah mempunyai tiga unsur penting:

- Sifat 'Iffah atau luhur seseorang sehingga tidak mengambil benda atau apa yang bukan haknya;
- Pelaksanaan atau pelunasan orang yang luhur tersebut terhadap hak orang lain keatas dirinya; dan
- Kepekaan orang yang luhur berkenaan untuk menjaga atau melindungi hak orang lain yang telah diamanahkan kepadanya.

Islam memang mewajibkan tiap Muslim berlaku amanah. Islam mengharamkan sifat khianat. Orang yang amanah patuh kepada Tuhan. Orang yang khianat, engkar dan derhaka kepada Allah. Bahkan imannya mungkin terjejas. Rasulullah S.A.W. bersabda:

Demi Allah ia tidak beriman, demi Allah ia tidak beriman, demi Allah ia tidak beriman. Sahabat bertanya: Siapakah yang tidak beriman itu wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab: Orang yang jirannya tidak selamat dari karenah pengkhianatannya.

Skop dan Bidang Amanah

Bidang dan skop yang dirambah oleh amanah amat luas. Antaranya ialah bidang:

1. Harta Benda

Menunaikan amanah harta merangkumi aspek jual beli, hutang piutang, pusaka, pertaruhan, gadaian, pinjaman, wasiat, wewenang am dan khas. Sesiapa yang terlibat dengan kegiatan dalam bidang ini mustahak mempunyai sifat amanah. Menunaikan hak kepada yang berhak, tidak menggelapkan keseluruhan atau sebahagian harta pertaruhan orang.

2. Maruah dan Kehormatan

Tidak menggugat atau mencero boh kehormatan orang, menahan diri daripada mencaci dan tidak membuat pertuduhan palsu yang menjatuhkan maruah orang atau mengumpat dan sebagainya adalah amanah.

3. Diri dan Nyawa

Amanah dalam konteks ini ialah tidak membunuh diri, merenggut nyawa orang atau melukakan dan menyakiti orang lain dan sebagainya.

4. Ilmu Pengetahuan

Menulis ilmu dengan amanah ilmiah. Tidak meminda-minda ungkapan orang yang dikutip, tidak mendakwa hak orang lain sebagai hak sendiri, objektif dan sebagainya adalah amanah.

5. Kuasa dan Wewenang

Amanah berkuasa wajar dilaksanakan sebagaimana yang dituntut oleh Maha Berkuasa iaitu Allah. Melantik orang yang layak, melindungi nyawa, harta dan akal waras orang ramai, menjaga dan menguatkuasakan agama Allah, melindungi Islam dari manusia yang mencerca dan mahu mencero bohnya, menjaga rahsia negara dan sebagainya adalah amanah.

6. Kesaksian

Bidang ini juga merupakan lapangan amanah. Menjadi saksi mestilah dengan amanah. Tidak mengada-adakan yang tidak ada.

7. Pengadilan atau Kehakiman

Amanah dalam konteks ini ialah dengan menjatuhkan hukuman menurut undang-undang Allah yang Maha Adil serta kaedah-kaedah undang-undang yang adil.

8. Pencatatan

Mencatat butiran atau fakta seperti mana yang didiktatkan atau seperti naskah asalnya tanpa penyimpangan. Sekiranya ada tambahan hendaklah dinyatakan tambahan itu dari siapa dan sebagainya.

9. Rahsia

Rahsia hendaklah disimpan sebagai amanah. Menurut riwayat at Turmuzi dan Abu Daud dan Jabir bin Abdullah, Junjungan pernah bersabda: Jika seseorang itu bercakap (kepada seseorang yang lain) sambil menoleh ke kiri dan ke kanan (percakapan) itu adalah amanah.

Rasulullah bersabda lagi:

Majlis atau persidangan (mesyuarat) adalah amanah (harus dijaga kerahsiaannya) kecuali tiga persidangan iaitu persidangan yang menumpahkan darah orang yang tidak berdosa, mencabul kehormatan orang atau merampas harta orang lain tanpa alasan yang benar.

10. Perutusan

Amanah di sini ialah dengan menyampaikan perutusan sebagaimana adanya kepada yang berhak. Tidak ditokok tambah; sama ada ia mesej lisan atau tulisan dan sebagainya.

11. Penggunaan pancaindera

Amanah dalam konteks ini ialah dengan memastikan penggunaan pancaindera tersebut menurut syara'. Tidak mencero boh melihat aurat orang lain atau mencuri dengar rahsia peribadi orang serta mengganggu hak keselesaan orang.

Bagaimana Sifat Amanah Terhakis

Sebagaimana halnya dengan sifat manusia yang lain, amanah boleh terus subur membudaya dan menjadi darah daging seseorang, berakar menjadi teguh dan mantap jika mendapat proses pengukuhan berupa dorongan atau ganjaran. Sebaliknya ia boleh pupus dan hilang jika kerap berhadapan dengan halangan, pengkhianatan dan sebagainya. Perkara ini ada dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis. Baginda menerangkan dalam hadis tersebut bagaimana sifat amanah menjadi subur dengan al-Quran dan Sunnah, kemudian ia mengalami proses hakisan dan pupus oleh sebab hal-hal yang tertentu.

Al-Bulkhari dan Muslim meriwayatkan Hadis Rasulullah dari Huzaifah Ibnu Al-Yaman. Beliau menegaskan bahawa Rasulullah pernah menuturkan kepada kami dua hadis; satu daripadanya saya sudah saksikan realitinya. Satu lagi saya masih menunggu untuk melihatnya. Baginda menyatakan bahawa: Amanah dibibitkan dalam teras hati manusia, kemudian diturunkan al-Quran lalu mereka mempelajari al-Quran dan Sunnah (tentang amanah). Kemudian Rasulullah tegaskan pula kepada kami tentang perenggutan sifat amanah dari seseorang itu. Apabila ia tidur (terlelap) lalu direnggut amanah dari hatinya. Maka yang tinggal ialah kesannya persis seperti bintat. Kemudian ia tidur lagi (terlelap) lalu dihapuskan amanah dari hatinya maka tinggalah bekasnya seperti gelembung pada kulit. Bagaikan belon kecil yang melurut ke bawah kaki lalu pecah dan ia tidak mengandungi apa-apa pun. Kemudian baginda mengambil sebiji batu kecil lalu dilurutkan

ke kaki baginda seraya berkata: "Akhirnya orang berjual beli namun tidak seorangpun yang menunaikan amanah. Bahkan (lebih jauh lagi) ada orang yang disanjung dan dikatakan si polan itu amanah dan ada yang dipuji: wahai alangkah sabarnya, alangkah mulianya, alangkah berakalnya sipolan itu, walhal tidak ada sebesar biji saga pun iman di dalam hatinya".

Sifat yang bertentangan dengan amanah ialah sifat khianat atau *ghadr*. Allah berfirman :

Hai orang yang beriman janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul serta kamu khianati amanah (yang kamu sanggupi) sedangkan kamu tahu.

(Surah Al-Anfal ayat: 27)

Sifat Khianat

Mengkhianati Allah adalah suatu kejahatan yang amat besar iaitu kejahatan riddah atau murtad. Kufur terhadap ajaran agama Islam. Menyisihkan Islam dari berfungsi secara menyeluruh dalam masyarakat dengan menganut faham sekularisme, meterialisme dan sebagainya. Berikutnya ialah kejahatan mengkhianati Rasul, umat Islam, harta awam, isteri atau suami, majikan, pertubuhan dan seterusnya.

Khianat adalah kebalikan daripada sifat amanah. Ia merupakan sifat seseorang yang tidak mahu bertanggungjawab terhadap kepercayaan yang telah diberikan kepadanya. Khianat adalah salah satu ciri orang-orang munafiq. Rasulullah bersabda :

Maksudnya: Tanda-tanda orang munafiq itu ada tiga; apabila berkata ia berdusta, apabila berjanji ia mungkir, apabila ia dipercayai (diberi amanah) ia khianat.

Anas r.a. berkata: bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

"Tiada iman bagi orang yang tidak amanah (tidak dapat dipercayai) dan tiada agama bagi orang yang tidak menepati janji.

(Hadis riwayat Ibnu Hibban)

Peringkat khianat yang paling tinggi adalah berkait dengan hak Allah dan amanah Allah. Peringkat khianat berikutnya ialah berkait dengan hak-hak manusia. Serius atau tidak seriusnya pengkhianatan tersebut bergantung kepada ciri-ciri khusus keadaan atau kes tertentu.

Orang Islam yang baik seharusnya tidak mengkhianati atau tidak pecah amanah terhadap sesuatu urusan atau perkara yang telah diamanahkan kepadanya. Segala urusan mestilah ditunaikan sewajarnya setelah disanggupi.

Orang yang tidak amanah ialah orang munafiq. Sifat-sifat munafiq ini hendaklah dijauhi kerana ia boleh memecah-belahkan masyarakat dan amat dimurkai oleh Allah. Allah berfirman:

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang munafiq itu di dalam tempat yang paling bawah sekali dalam api neraka.

(Surah An- Nisaf, ayat 145)

Contoh Tidak Amanah

Antara contoh perbuatan Khianat dalam masyarakat ialah:

1. Memilih pemimpin yang tidak layak

Memilih pemimpin yang tidak berkelayakan atau tidak bertanggungjawab. Islam menentukan bahawa untuk memilih seseorang pemimpin umat Islam hendaklah memilih dari kalangan orang yang benar-benar bertanggungjawab dan

sanggup melaksanakan tugas dengan sempurna, boleh memerintah dengan adil, jujur, tidak pilih kasih dan dipilih secara syura atau persetujuan ramai. Jika mereka tidak memilih pemimpin yang benar-benar berkeelayakan bererti mereka telah mengkhianati diri mereka sendiri, bangsa dan negara. Ini kerana pemimpin tersebut sudah tentu tidak dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna dan berkesan. Dengan demikian negara tidak dapat ditadbir dengan cekap dan korupsi akan berlaku di sana sini. Jika keadaan seperti ini berlaku sudah pasti keadaan politik di dalam negara akan kucar-kacir dan ekonomi akan menjadi lumpuh. Akhirnya masyarakat akan berpecah belah dan hidup dalam penderitaan dan kesengsaraan.

2. Pemimpin yang mendapat kuasa melalui jalan rasuah

Seseorang pemimpin yang berjaya menduduki jawatan pemerintah dalam sesebuah negara melalui jalan rasuah juga dinamakan telah melakukan pengkhianatan. Dalam hal ini pemimpin tersebut telah mengkhianati diri sendiri, mengkhianati rakyat jelata, mengkhianati agama, bangsa dan negara. Ini kerana dengan melakukan pengkhianatan pemimpin tersebut termasuk dalam golongan orang-orang munafiq. Tempat bagi orang-orang munafiq di sisi Allah adalah di neraka yang paling bawah sekali.

Di dunia pula, oleh kerana perlantikan pemimpin tersebut melalui cara yang keji dan hina, sudah pasti akan timbul berbagai tipu daya dan umpan yang telah diberikan oleh pemimpin tersebut. Dengan itu akan timbul berbagai-bagai masalah dalam pentadbiran negara.

3. Khianat menyebarkan rahsia isteri dan suami

Dalam hal-ehwal rumahtangga perbuatan khianat juga terjadi akibat lemahnya iman sama ada pihak suami atau

isteri. Umpamanya berlaku perbuatan pihak suami isteri yang menceritakan perkara-perkara yang sepatutnya menjadi rahsia di antara suami isteri. Menurut pandangan Islam hubungan suami isteri adalah suci akan tetapi terdapat di kalangan sesetengah orang awam yang dungu menceritakan masalah-masalah dan peristiwa-peristiwa sulit yang berlaku dalam rumahtangga, untuk berseronok atau mempamerkan keunggulannya.

Sesungguhnya perkara rumahtangga yang menyangkut persoalan hubungan suami isteri itu adalah bersifat tertutup terutama untuk diceritakan kepada orang lain walaupun orang terdekat. Jika ada sesiapa yang membocorkannya maka ini menunjukkan sifat tidak malu yang diharamkan oleh Allah. Perbuatan ini adalah dilarang sepertimana di dalam hadis riwayat Ahmad:

Dari Asma binti Yazid, ketika ia berada pada Rasulullah dan beberapa orang lelaki dan perempuan duduk pula berhampirannya. Rasulullah s.a. w bersabda yang bermaksud:

Barangkali ada di kalangan kaum yang ingin mengatakan sesuatu yang ia pernah lakukan dengan isterinya. Dan mungkin di kalangan kaum ibu juga ada yang ingin menyampaikan sesuatu yang ia pernah lakukan dengan suaminya.

Maka tertegunlah mereka se pantas kilat mereka diam tidak berbicara. Maka akulah yang berbicara, demi Allah ya Rasulullah, sesungguhnya kaum bapa memang suka melakukan, dan sesungguhnya kaum ibu pun suka melakukan. Maka Nabi s.a. w bersabda: 'Jangan kalian lakukan, kerana perbuatan itu seperti setan laki-laki bertemu dengan setan perempuan, terus mereka bersetubuh, lalu orang-orang melihat kepadanya'.

4. Pengkhianatan ibubapa terhadap anak-anak

Anak merupakan satu anugerah yang sangat berharga kepada pasangan suami isteri. Ia diamanahkan oleh Allah kepada ibubapa untuk dipelihara, diberikan kasih sayang yang sempurna dan di samping itu mereka juga bertanggungjawab untuk mencorakkan masa hadapan anak-anak dengan pendidikan agama.

Malangnya hari ini terdapat di kalangan ibubapa yang mengkhianati tugas atau tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Ibubapa yang tidak mempunyai latar belakang agama yang baik dan sempurna tidak akan mampu untuk menjalankan tugas sebagai ibubapa yang baik kepada anak-anak. Kadang kala terdapat di kalangan ibubapa yang tidak mampu mengawal perasaan apabila anak-anak melakukan sesuatu kesalahan. Teguran atau kata nasihat tidak diberikan terlebih dahulu, akan tetapi untuk melepaskan perasaan geram atau amarahnya, maka anak dijadikan sasaran. Jadi tidak hairanlah andaikata terdapat kisah-kisah seperti yang selalu tersiar di akhbar-akhbar tempatan seperti penderaan yang dahsyat dilakukan ke atas anak-anak dan penganiayaan yang tidak berperikemanusiaan.

Perbuatan ibubapa seperti ini adalah menyalahi peraturan agama dan di luar batas manusia yang bertamadun. Anak-anak yang kecil diseksa dengan pukulan yang bertubi-tubi, dicucuh dengan rokok dan dikurung di dalam bilik. Perbuatan ini bukan sahaja mencederakan tubuh badan anak tersebut, malah turut merosakkan pemikiran saraf dan jiwa anak yang mengalami penderaan tersebut. Bagi ibubapa yang tidak mempunyai belas kasihan ini, ia bukan sahaja akan menerima hukuman dari Allah bahkan di dunia juga perbuatan mereka dianggap menyalahi hukum dan undang-undang yang telah dirangka. Hukuman yang wajar dan setimpal patut dijatuhkan kepada ibubapa yang bertindak kejam dan tidak menunaikan amanah.

5. Mengkhianati wasiat

Setiap orang Islam memang digalakkan meninggalkan wasiat mengenai harta peninggalannya. Wasiat ialah suatu kebajikan yang diminta oleh seseorang supaya dilakukan oleh orang lain setelah ia meninggal dunia. Apabila seseorang telah diamanahkan untuk melaksanakan wasiat seseorang yang telah mati, maka beliau hendaklah melaksanakannya dengan segera. Sabda Nabi Muhamad s.a.w. maksudnya :

Tidak ada hak bagi seseorang muslim yang mempunyai sesuatu yang patut diwasiatkan sampai dua malam, melainkan hendaklah wasiatnya tertulis disisi kepalanya.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Seandainya wasiat tersebut tidak disempurnakan, maka orang tersebut telah mengkhianati amanah yang telah diamanahkan oleh si mati kepadanya. Ini kerana wasiat merupakan satu amalan kebajikan yang dilakukan oleh seseorang. Amal kebajikan itu semata-mata dilakukan kerana keikhlasan kepada Allah dan untuk kebaikan orang yang ditinggalkan, terutama bagi orang yang dikasihi akan tetapi bukan waris. Oleh itu jika wasiat tersebut tidak dilaksanakan oleh orang yang telah diamanahkan, maka orang tersebut dianggap mengkhianati si mati.

6. Rasuah

Contoh berikutnya ialah perbuatan rasuah. Rasuah boleh dilakukan oleh pegawai bawahan sampailah kepada pemimpin politik. Memang wujud segolongan pemimpin untuk mendapatkan kuasa tergamak memberikan sogokan atau wang atau harta benda kepada orang-orang lain untuk mendapatkan sokongan undi murah. Perbuatan rasuah adalah dilarang dalam Islam. Sabda Nabi Muhamad s.a.w. maksudnya:

"Allah melaknat orang yang memberi rasuah dan yang menerima rasuah dan orang yang menjadi perantaraan (perbuatan rasuah)".

(Riwayat Al-Ahmad)

Perbuatan rasuah disimpulkan sebagai menerima dan memberi apa-apa suapan sebagai dorongan, upah atau galakan untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan. Istilah perbuatan rasuah diberikan satu definisi yang tepat di bawah Seksyen 2 (2) Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu), Darurat, 1970 dalam konteks menyalahgunakan kedudukan atau jawatan kerana kepentingan persendirian. Di bawah ordinan ini perbuatan rasuah diertikan sebagai apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana anggota pentadbiran, Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau mana-mana pegawai awam iaitu dengan perbuatan itu ia telah menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya untuk faedah kewangan atau untuk apa-apa faedahnya yang lain. Perbuatan sedemikian melibatkan wujudnya percanggahan di antara kepentingan awam dan kepentingan peribadi.

Biasa juga bentuk rasuah dalam konteks ini dinamakan *political corruption, the misuse of public power for private profit* (Joseph J. Senturia dalam *Encyclopedia of the Sosial Sciences*). Biasanya ia dilakukan oleh seseorang yang berkedudukan tinggi dan diberi kepercayaan untuk menentukan sesuatu keputusan, tetapi menyalahgunakan kedudukannya itu dan mengorbankan kepentingan awam untuk kepentingan persendirian.

Selain itu, rasuah politik boleh dianggap sebagai satu bentuk pengaruh politik yang bertujuan untuk mendapatkan status, kekuasaan dan kekayaan. Oleh itu rasuah digunakan untuk memujuk seseorang yang menjalankan amanah rakyat supaya mengikut telunjuk orang yang memberi rasuah.

Walaupun rasuah itu haram namun malangnya masih terdapat orang-orang yang terus mengamalkannya tanpa segan silu dan takut kepada Allah. Masih wujud kalangan umat Islam yang mengingkari perintah Allah dan mengabaikan amanah dan tanggungjawab yang diserahkan kepadanya. Allah berfirman maksudnya :

“Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta (orang lain) diantara kamu dengan jalan salah dan janganlah pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa-dosa padahal kamu mengetahui (salahnya)”

(Surah Al-Baqarah: ayat: 124)

Islam melarang perbuatan rasuah dan mengutuk sesiapa sahaja yang terlibat di dalamnya sama ada pemberi atau orang perantaraan. Ini kerana nyata sekali perbuatan rasuah menandakan kelemahan iman seseorang yang terlibat yang sanggup merampas hak yang sepatutnya diperolehi oleh orang lain yang lebih layak sekiranya tidak ada rasuah dilakukannya. Ini dengan sendirinya menunjukkan betapa rendah dan hinanya akhlak orang yang melakukan perbuatan demikian.

Selain itu, perbuatan rasuah juga akan meruntuhkan sistem pentadbiran sebuah organisasi dan dengan itu akan menghancurkan negara seluruhnya. Negara akan hancur kerana tidak ada sesiapa lagi yang menghormati undang-undang. Orang kaya atau yang mempunyai kepentingan akan melakukan rasuah dengan sewenang-wenangnya. Maka yang menjadi mangsanya ialah orang yang miskin dan menderita.

Orang yang tidak amanah kerana gilakan harta dan bersifat khianat biasanya lupa bahawa harta itu adalah fitnah atau merupakan cubaan Allah kepada seseorang. Ia bukan mutlak buruk. Ia bukan ukuran martabat atau status

bagi pemiliknya. Ia bukannya ukuran kesalihan seseorang ; akan tetapi ia adalah nikmat yang diberikan kepada seseorang untuk menjadi cubaan kepadanya; sama ada ia bersyukur atau sebaliknya; kufur. Apabila Allah menyebutkan bahawa harta adalah fitnah, maka yang dimaksudkan ialah harta sebagai indikator atau petunjuk terhadap kecenderungan seseorang. Tegasnya kecenderungan yang lebih menguasai diri seseorang. Kecenderungan baik atau sebaliknya. Persis seperti api untuk memastikan hakikat sesuatu; samaada emas atau pun bukan. Allah berfirman, maksudnya

Ketahuiilah bahawa harta benda kamu dan anak pinak kamu adalah fitnah

(Surah Al-Anfal: Ayat 28)

Harta di tangan orang mukmin yang saleh merupakan sumber pahala dari Allah untuknya. Manakala harta di tangan orang yang durjana lagi kufur adalah penyebab malapetaka dan kesengsaraan.

Allah berfirman, maksudnya :

"Biarkanlah mereka dalam kegilaan mereka untuk beberapa ketika. Apakah mereka kira bahawa apabila kami beri mereka harta dan anak-anak (yang banyak) bererti kami telah tampilkan kebaikan untuk mereka ? Bahkan sebenarnya mereka tidak sedar".

(Surah al-Mu'iminun: 54-56)

Pada zaman dahulu, Kota Mekah juga mempunyai golongan korporat yang kaya raya seperti Walid Bin Mughirah, Abu Lahab, Ubai bin Khalaf dan lain-lain. Namun harta mereka sama sekali tidak menyelamatkan mereka bahkan sebaliknya memusnahkan mereka. Umpamanya terhadap Abu Lahab turun ayat maksudnya:

"Celaka dan rugilah (manusia) Abu Lahab, malah memangpun rugi. Harta dan perolehannya smasekali tidak dapat menyelamatkannya".

(Surah al-Masad:Ayat 1-2)

Terhadap Ubai Bin Khalaf turun ayat maksudnya:

"Adapun orang yang bakhil dan merasa cukup (merasa tidak perlu lagi kepada petunjuk Allah), di samping mendustakan kebaikan (ajaran Islam), maka akan kami mudahkannya menerima kesusahan. (Tatkala itu) Tidaklah bermunafaat harta bendanya; justru ia sendiri telah kecundang (dalam neraka)".

(Surah al-Lail:Ayat 8-11)

Terhadap Walid bin al-Mughirah turun ancaman Allah. Maksudnya:

"Biarkan Aku (Allah) sendiri menghadapi makhluk yang aku cipta, makhluk yang Aku telah kurniakan kepadanya harta yang banyak, anak-pinak yang ramai sebagai saksi serta telah Aku beri kedudukan (yang baik). Rupa-rupanya ia masih tamak untuk mendapat anugerah Aku lagi. Akan tetapi (celakanya) ia masih degil (untuk tunduk) terhadap ayat-ayat kami".

(Surah al-Muddaththir:Ayat 11-16)

Sebelum itu pun sejarah telah menceritakan tentang Qarun, manusia jutawan korporat pada zaman Nabi Musa. Beliau terpesona dengan kekayaan yang diberikan Allah. Ia menindas kaumnya, melupakan tanggungjawab dan amanah harta yang ditentukan oleh Allah. Lantas Allah tenggelamkan beliau dengan rumah kediaman dan harta-hartanya. Allah berfirman, maksudnya:

"Lalu kami benamkannya (Qarun) dengan istananya sekali ke dasar bumi, maka tidaklah dapat golongan manapun menyelamatkannya dari (seksa) Allah dan tidaklah juga ia menjadi golongan yang menang".

(Surah al-Qasas: Ayat 81)

Martabat manusia bukan ditentukan oleh pemilikan harta atau pangkat kebesaran duniawi yang fana tetapi adalah oleh amal saleh, khashyah, ikhlas dan rasa taqwa kepada Allah yang terpendam dalam dada.

Setelah di huraikan pengertian amanah dengan panjang lebar, tentu timbul pula pertanyaan bagaimana pula dengan pengertian iltizam. Barangkali wajar pada peringkat ini kita menjelaskan pengertiannya.

Pengertian Iltizam

Iltizam bermaksud kesetiaan, terus berpegang kepada dasar, konsep atau wawasan yang telah diperakukan. Iltizam mengandaikan wujudnya suatu idealism, nilai-nilai serta wawasan yang dianggap unggul di mana individu tertentu beriltizam dengannya. Idealisme, nilai dan wawasan tersebut semestinya berteraskan Islam justeru iltizam itu sendiri berakar kepada asas al-Quran dan al-Sunnah.

Andaikata Iltizam disorot dengan lebih dekat dan hati-hati, maka kita dapati ia mengandungi unsur-unsur berikut:

- Dasar
- Komitmen
- Agenda bertindak terperinci.

Dasar yang paling unggul tentunya dasar dan idealisme yang menampilkan penyelesaian masalah umat secara menyeluruh; berteraskan wahyu dan menjangkau alam yang abadi di akhirat. Dasar-dasar ini telah diperincikan oleh Prof. Dr. Yusof al Qaradhawi dalam tulisan-tulisannya, khasnya yang

berkait dengan penyelesaian secara Islam.

Komitmen pula merangkum aspek kesedaran, kepekaan, kesetiaan, keazaman dan kesungguhan bertindak. Kesedaran, menafikan kealpaan dan kelalaian terhadap tujuan dan matlamat hidup. Kepekaan membayangkan kehadiran mental dan keperihatinan. Keazaman menunjukkan kecenderungan afektif yang tinggi untuk meraih cita-cita yang disepakati. Kesungguhan bertindak pula memaparkan aspek psikomotor yang terserlah dan keadaan realiti yang berubah; hasil dari perkara-perkara terdahulu.

Agenda bertindak yang terperinci memantulkan hakikat perancangan yang strategik dan teratur. Kesedaran yang belum matang dan masih mentah tidak memiliki agenda bertindak yang tersusun. Segala-galanya dibuat secara ad-hoc tanpa rencana. Sebab itu iltizam yang sebenarnya adalah suatu komitmen yang bijaksana dan terancang rapi.

Perbincangan mengenai amanah dan iltizam ini tidak akan sempurna jika tidak dibincangkan cara-cara mengukuhkan sifat-sifat ini dalam amalan seharian. Oleh itu pada hemat kita langkah-langkah ke arah penghayatannya secara yang lebih berkesan perlu diperincikan untuk dapat dijadikan agenda bertindak yang sesuai.

Langkah Memantapkan Nilai Iltizam dan Amanah

1. Memupuk Sifat Ikhlas

Budaya Melayu berakar teguh kepada ajaran Islam. Manakala Islam menekankan konsep ikhlas dan rasa akauntabiliti yang tinggi kepada Allah s.w.t. sebagai prasyarat pembangunan insan yang berkualiti. Oleh itu langkah menegakkan keikhlasan dalam amalan hendaklah dilaksanakan secara berterusan. Jika keyakinan yang kental kepada Allah, kekuasaan dan pengawasannya yang berterusan dapat diwujudkan dalam diri tiap individu umat sudah pasti akan lahirlah sifat taqwa, ikhlas,

amanah dan iltizam yang tinggi dalam amalan sosial dan politik umat Islam kini.

2. Mengamalkan agenda rohaniah untuk menjana tenaga spiritualiti yang dinamik

Hidup perlu beramal. Umat Islam sewajarnya menghayati doa, zikir, wirid di samping kerap membaca al-Quran. Amalan-amalan seperti ini boleh mengukuhkan keperihatinan kepada Allah SWT, mengingatkan kita akan saat-saat kita bertemu Allah nanti. Ini bakal menguatkan rasa akauntabiliti dalam hati jiwa.

3. Melantik para pemimpin dan petugas yang beriltizam dan amanah yang boleh dijadikan sebagai model

Ketua-ketua jabatan, para pemimpin masyarakat, pemimpin politik, golongan elit yang berwibawa selalu menjadi rujukan orang ramai dalam tindak-tanduknya. Mereka adalah contoh yang hendak diikuti orang ramai. Sebab itu mereka perlu menunjukkan contoh atau model yang terpuji. Jika mereka gagal memainkan peranan sebagai *role model* ini tentulah masyarakat akan berasa kecewa dan hampir putus asa.

4. Mengujudkan sistem bekerja yang baik serta pengawasan yang berterusan dan berkesan

Sistem pengurusan dan pengawasan yang baik boleh menghalang penyimpangan para petugas dan pegawai bawahan di peringkat awal. Ini mengukuhkan sahsiah dan kekebalan pegawai berkenaan daripada salahlaku atau menyeleweng. Rasulullah pernah menegur Ibnu Utbiyyah kerana beliau hendak mengambil barangan yang dihadiahkan kepadanya ketika mengutip zakat. Beliau menegaskan kepada Rasulullah, ini habuan umum. Manakala yang ini hadiah (untuk saya), maka Rasulullah menempelak katanya, 'Cuba anda duduk di rumah ayah dan ibu anda dan tunggu apa datang atau tidak hadiah anda tersebut, kalau anda (benar-benar) jujur.'

5. Mengadakan dari semasa ke semasa kursus-kursus untuk meningkatkan iltizam dan rasa tanggungjawab kepada Allah dan negara

Para pegawai, pekerja dan petugas awam adalah manusia biasa. Mereka boleh mengalami pasang surut motivasi dan kesungguhan semangat bekerja. Perkembangan ilmu dan teknologi yang pesat juga tidak dapat dinafikan. Ini semua menjadi alasan yang kukuh untuk kita mengadakan dari semasa ke semasa kursus peningkatan iltizam dan ciri-ciri positif untuk meningkatkan kualiti sahsiah dan mutu profesionalisme para petugas awam di negara kita.

Kejujuran

Allah berfirman, maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu bertakwa kepada Allah dan berada bersama-sama dengan orang-orang benar”.

(At-Taubah ayat 119)

Rasulullah bersabda:

“Amalkan sifat jujur kerana kejujuran membawa kebaikan. Kebaikan membawa ke syurga. Jika seseorang bersikap jujur nescaya ia dicatat oleh Allah sebagai seseorang yang jujur. Sebaliknya jangan kamu berdusta kerana dusta membawa kepada kejahatan. Kejahatan membawa ke neraka. Jika seseorang itu terus menerus berdusta nescaya Allah akan catatkan bahawa dia adalah pendusta”.

Masyarakat manusia memerlukan kepada berbagai set nilai akhlak dan penghayatannya. Justeru penghayatan nilai tersebut menjamin kesejahteraan hidup bagi tiap warganya. Antara sekian banyak nilai akhlak tersebut ialah nilai jujur (Al-Sidq)

atau bersifat benar dan lurus. Bahkan benar memang sentiasa menjadi asas kepada kejujuran.

Kejujuran berkait rapat dengan kebenaran. Kebenaran paksi kepada kejujuran. Sebab itu seseorang yang jujur mesti mengenali kebenaran dan menghayatinya. Orang yang tidak tahu mana benar dan mana yang salah sukar untuk berlaku jujur kecuali untuk mengakui dengan jujur akan kejahilannya. Akan tetapi si jahil kerap menjadi mangsa kejahilannya dalam menghayati kejujuran.

Sikap jujur yang bermakna ialah sikap jujur dalam berkhidmat mempertahankan kebenaran. Justeru ianya bermakna menyokong segenap set nilai utama yang lain seperti baik, soleh, mulia, luhur dan lain-lain. Manakala jujur mempertahankan kebatilan atau kekeliruan dan kesalahan adalah suatu yang tercela dan tidak meningkatkan kualiti diri seseorang.

Makna Kejujuran

Kejujuran berkait rapat dengan kebaikan dan nilai murni. Sebab itulah Saydina Abu Bakar mengatakan:

“Tidak ada anugerah yang lebih baik yang diberikan kepada seseorang dari sifat “muaafah” selepas yakin. (Yakni kesejahteraan akidah dan perasaan yang tenteram selepas keimanan-penulis). Sesungguhnya kejujuran dan kebaikan di dalam syurga. Manakala pendustaan dan sikap nyinyir (fujur) atau jahat dalam neraka”.

Kejujuran bertolak dari kejujuran hati. Hati yang jujur ialah hati yang ikhlas kerana Allah. Melaksanakan sesuatu ikhlas semata-mata kerana menurut perintah Allah. Ia prihatin kepada suruhan dan saranan agama. Ia telah sehati dengan sifat benar, ikhlas dan jujur lantaran sifat ini telah menjadi amalan hariannya. Orang yang dalam hidupnya serba memikirkan keuntungan, kebendaan sukar atau jarang dapat

berlaku jujur, lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan rangsangan serta bujuk rayu yang memuaskan, keghairahan kebendaannya. Selaras dengan itu hati perlu disemai dengan sifat-sifat mahmudah khasnya sifat jujur dan benar.

Kejujuran dalam konteks berfikir pula ialah sering merujuk kepada asas-asas logik dan kaedah berfikir yang betul. Sikap menerima kebenaran walaupun pahit atau walaupun datangnya dari orang lain adalah sifat jujur dalam berfikir. Sikap objektif dalam membuat kesimpulan adalah petanda kejujuran berfikir. Manusia yang tidak berfikir dengan lurus adalah manusia yang keliru dan serba rancu. Ia sukar untuk dipercayai. Ia tidak benar dan justeru itu ia jauh dari sifat jujur.

Dari pemikiran yang benar dan jujur lahirlah pengungkapan yang benar dan jujur. kejujuran lisan merujuk kepada ketepatan apa yang diungkapkan dengan apa yang sebenarnya wujud di hati dan dalam realiti. Fudhail bin Iyadh menjelaskan:

"Anggota yang paling Allah sayangi ialah lidah yang benar dan jujur, manakala anggota yang paling Allah benci adalah lidah yang serba dusta/bohong."

Selanjutnya media yang baik ibarat lidah yang baik. Ia bertanggungjawab mengungkap dan menyebarkan ajaran yang benar, khasnya kebenaran Islam dan saranannya. Media tersebut menyerlahkan keburukan sebagai suatu yang perlu dihindari. Ia tidak menggalakkan kejahatan. Ia tidak merangsang orang lain agar menjadi jahat, keliru dan pendusta. Sebab itu sejajar dengan lidah, media mesti bersikap jujur dan benar melaksanakan fungsi penerangan, pematangan berfikir dan bukannya alat untuk menggelapkan kebenaran, mengelirukan ummat dan memikat kepada kebatilan dan kesesatan.

Kejujuran berpolitik bertolak dari aqidah yang benar. Berpolitik kerana Allah demi mengamalkan seruan Allah dan RasulNya. Asas yang benar ini menghalang seseorang dari berpolitik kerana hendak bermaharajalela dengan kuasa

mendapatkan keuntungan kebendaan duniawi. Ia menghalang seseorang dari berpegang kepada landasan politik sekular yang memetingkan penghargaan material. ia menghalang politikus dari terjebak ke kancah politik wang yang memusnahkan keluhuran dan sikap jujur yang hakiki.

Kejujuran dalam muamalat akan membawa berkat dan murah rezeki. Para pedagang yang jujur lagi amanah akan dibariskan bersama Nabi dan Siddiqin pada hari Qiamat kelak. Kejujuran peniaga dan golongan korporat akan membuahkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Tidak berlaku penipuan dan salah laku dalam menaikkan harga barang untuk menindas dan penyimpangan lain.

Rasullullah bersabda:

“Penjual dan pembeli ada masa untuk membuat pilihan selama belum berpisah. Seandainya mereka bersikap jujur dan berterus-terang, maka jual beli mereka diberkati. Seandainya mereka berdusta dan menyembunyikan aib barangan, maka direnggut keberkatan dari transaksi jual beli mereka.”

Kejujuran pentadbiran menyelamatkan kepentingan umum. Pembaziran dapat dielakkan. Salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi dan keluarga dapat dihindari. Wang rakyat akan terpelihara. Kemerdekaan akan dinikmati secara saksama. Harta benda kerajaan akan terselamat daripada rompakan orang tertentu atau parti yang memerintah.

Langkah-langkah mengukuhkan kejujuran

Dalam konteks membangun sifat mahmudah seperti jujur ini, para pemimpin umat sebagai *role model* yang berpengaruh hendaklah mengamalkan ajaran Islam yang benar agar mereka bukan sahaja dilihat sebagai benar, tetapi juga memang

mengamalkan ajaran kebenaran. Dengan asas kebenaran mereka boleh menjadi tokoh yang bermoral dan beragama.

Budaya politik yang menjadi amalan para pemimpin mestilah menunjukkan kejujuran berkhidmat untuk idealisme yang benar, betul dan luhur. Mereka bukan pejuang kebendaan, populariti, status atau wang. Mereka adalah pejuang yang ikhlas berjuang kerana Allah dan prinsip yang disarankan olehNya.

Generasi muda perlu dididik dengan risalah Islam yang mementingkan kebenaran dan kejujuran. Falsafah dan sistem pendidikan semestinya berpaksikan kebenaran ajaran Allah yang Maha Benar. Nilai-nilai agama mesti mendasari segenap aspek pendidikan dan pembelajaran. Para pentadbir pendidikan dan para pendidik menjelmakan nilai-nilai benar termasuk kejujuran dan sebagainya. Dengan demikian, kejujuran akan terpahat kukuh dalam realiti hidup bermasyarakat.

Kejujuran tidak dapat dibangun secara berasingan dengan nilai-nilai utama lainnya. Sebagai set nilai yang terangkum dalam set nilai yang lebih asas, ia mesti dibelai, dipupuk secara menyeluruh dan selaras. Kemusnahan set nilai lain pasti akan menjejaskan perkembangan nilai kejujuran serta keyakinan umat terhadap validitinya. Ini akan membawa kesan negatif kepada proses pembangunan keinsanan itu sendiri. Oleh sebab itu kejujuran mesti dikembangkan dengan membentuk iklim politik, budaya, ekonomi dan sosial yang berteraskan Islam. Hanya Islam sahaja jalan yang benar dan satu-satunya kebenaran yang bergandingan dengan kejujuran yang diperakukan oleh Allah SWT.

Kesimpulan

Usaha untuk mengukuhkan nilai-nilai budaya umat yang positif tidak boleh terpisah dari perlaksanaan ajaran Islam sepenuhnya dalam negara kita. Ajaran dan sistem hidup Islam itu harus, bahkan mesti menjadi dasar falsafah dan wawasan kenegaraan

kita. Umat Islam tidak boleh mencontohi ahli kitab pada zaman dahulu yang mencari robekkan agama Allah. Mereka hanya memilih - mengikut nafsu - apa yang mereka rasa seronok dan mahu laksanakan; dalam batas yang mengutungkan mereka sendiri. Sebab itu keazaman yang padu untuk kembali kepada nilai-nilai Islam mesti dipupuk sentiasa dan diterjemahkan dalam bentuk agenda sosial, politik, ekonomi dan budaya secara terperinci dan praktikal untuk dijadikan amalan seluruh umat Islam dan warga negeri Melaka khasnya serta rakyat Malaysia amnya.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Izzuddin Bliq, Minhaj al Salihin, Dar al-Fikr, Beirut 1978.

Al-Qaradhwai, Prof. Dr. Yusuf, Dauru al-Qiyam Wa-al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami, Maktabah Wahbah, Kaherah 1995, 1415.

_____, fi al-Tariq Ila Allah, al-Niyah Wa Al-Ikhlas, Maktabah Wahbah, Kaherah 1995:416

_____, Baiyinat al-Hall al-Islami, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1988-1408.

_____, al-Thaqafah al-Arabiah al-Islamiah, Maktabah Wahbah Kaherah, 1994:1414

Abdul Aziz Mohd Mursyid, Nizam al-Hishbah fi al-Islam, Universiti Imam Mohd bin Suud al-Islamiah, 1393H.

Mohd Tap b. Salleh (ed.), Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan, Institut Tadbiran Negara, Kuala Lumpur, 1991.

Qadiri, Dr. Abdullah Bin Ahmad, al-Kafaah al-Idriah fi al- Siasah al-Syariyah, Cetakan Darul Mujtama Jeddah, 1989-14

Al-Midani, Abd. Rahman Habankah, Al-Akhlaq al-Islamiyah Wa Ususuha: Cetakan Darul al-Qalam, Damsyik, Syria 1987-1407H

LATAR BELAKANG PENULIS

1. **Profesor Madya Datuk Abdul Latiff Abu Bakar**
Penyelenggara buku ini adalah Pengerusi Seminar Melaka Bandaraya Bersejarah dan Negeri Berbudaya. Beliau bertugas sebagai Profesor Madya di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya dan memegang jawatan sebagai Ketua Dua Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia serta Ahli Lembaga Pegelola Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. **Ustaz Haji Abdul Ghani Samsudin**
Beliau adalah Pensyarah Pendidikan Islam di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan memegang jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia.
3. **Haris Hassan**
Beliau bertugas sebagai Timbalan Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah dan sebelum ini bertugas sebagai Pegawai Daerah Melaka Tengah.
4. **Profesor Madya Dr. Kamaruddin Mohd Yusoff**
Beliau adalah Profesor Madya di Jabatan Biokimia, Fakulti Perubatan Universiti Malaya.
5. **Profesor Datuk Dr. Muhamad Yusoff Hashim**
Beliau adalah Profesor dan Ketua Jabatan Sejarah Universiti Malaysia dan Pengerusi Lembaga Penasihat Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
6. **Dato' Nik Abd. Rashid Nik Ab. Majid**
Beliau adalah Pengarah Eksekutif Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM) dan pernah bertugas sebagai Profesor Madya di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa.

7. **Profesor Madya Dr. Siddiq Fadzil**

Beliau bertugas sebagai Profesor Madya di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dan menjadi Ahli Lembaga Pegelola Dewan Bahasa dan Pustaka.

8. **Profesor Datuk Dr. Zainal Kling**


Beliau bertugas sebagai Profesor di Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Universiti Malaya dan memegang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Universiti Malaya serta menjadi Ahli Lembaga Pegelola Dewan Bahasa dan Pustaka.

9. **Zainal Abidin Datuk Borhan**

Beliau adalah Pensyarah di Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan memegang jawatan sebagai Setiausaha Dua, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA).

10. **Profesor Madya Zawawi Ahmad**

Beliau bertugas sebagai Profesor Madya di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (Pendidikan Islam).



Melaka Negeri Berbudaya

*Beriman dan Bertakwa
Berilmu dan Beramal
Berakhlak dan Berbudi
Beradat dan Bersopan
Bersatu dan Bersetia
Jujur dan Amanah
Mesra dan Bahagia
Sihat dan Segar
Bersih dan Indah
Maju dan Makmur*